



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK DAN KOMUNIKASI KORPORAT

Aras 1, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel : +6088-320000 samb. 1017
: +6008-320474
Faks : +6088-320223
E-mel : bpk@ums.edu.my

Rujukan Kami : UMS/CAN1.1.1/100-2/1/3

Tarikh : 17 April, 2020

SENARAI EDARAN SEPERTI PADA LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

PEMATUHAN TERHADAP PERINTAH DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dan surat daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan no. JPA.BK(S)256/6/36Jld.10(19) bertarikh 15 April 2020 dirujuk.

2. Berkaitan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa III yang dikuatkuasakan pada masa ini, saya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan terhadap intipati surat daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang menghendaki penjawat awam mematuhi apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Arahan pematuhan itu termasuklah Ketua Jabatan/penyelia tidak boleh mengarahkan kakitangan untuk hadir bekerja di pejabat kerana dikhuatiri boleh membahayakan tahap kesihatan/menularkan wabak COVID-19 kepada orang lain.

3. Ketidakpatuhan terhadap apa-apa perintah yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta 342 adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan hukuman di bawah Akta 342. Tindakan tegas termasuk tatatertib terhadap mana-mana pegawai termasuk Ketua Jabatan/penyelia yang mengarahkan pegawai untuk hadir bekerja boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P. U. (A) 395/1993].

4. Oleh itu, selaras dengan kebenaran Berkerja Dari Rumah (BDR) yang diberikan, YBhg. Datuk/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan adalah diingatkan agar meminimalkan bilangan kehadiran kakitangan di pejabat dan menggunakan sepenuhnya teknologi untuk bermesyuarat/berkomunikasi secara maya atau atas talian (online). Kehadiran kakitangan di pejabat hanya dibenarkan atas sebab keperluan yang kritikal sahaja dan penggiliran bertugas hendaklah dibuat.

Bersama ini disertakan salinan surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang berkenaan yang jelas maksudnya untuk rujukan. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA DR MOHD RAHIMIE ABD KARIM

Pengarah
b.p. Naib Canselor

s.k. ~ YBhg. Datuk Naib Canselor UMS
~ Timbalan Pendaftar PPSKK
~ Fail



Certified to ISO9001 : 2015
Cert. No: QMS 01200

BERTEKAD CEMERLANG

www.ums.edu.my